

IMPLEMENTASI PENGETAHUAN BUDAYA ARAB DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH

(IMPLEMENTATION OF ARABIC CULTURAL KNOWLEDGE IN TEACHING ARABIC LANGUAGE IN
SCHOOLS)

ISA, Y.¹ – ABDULLAH, I.^{1*} – RAZAK, M. S. A.¹

¹ *Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: ibrahim970[at]uitm.edu.my*

(Received 22nd February 2025; revised 20th April 2025; accepted 28th April 2025)

Abstrak. Memahami budaya dalam pengajaran bahasa asing memainkan peranan penting dalam kalangan guru kerana bahasa tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, akan tetapi sebagai medium untuk mengekspresikan dan mencerminkan kekayaan budaya penuturnya. Pengetahuan budaya yang dimiliki oleh guru akan memberikan kesan positif terhadap motivasi, minat dan keyakinan untuk berkomunikasi dengan lancar. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan guru bahasa Arab tentang budaya Arab dan kepentingan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah. Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan (literatur review). Pengkaji mengumpulkan informasi dan maklumat yang relevan daripada buku-buku ilmiah, hasil-hasil kajian, laporan penelitian dan sebagainya sama ada daripada sumber-sumber bertulis ataupun sumber elektronik. Dapatan menunjukkan keperluan kepada guru bahasa Arab untuk memahami elemen-elemen budaya seperti tradisi, nilai-nilai, norma sosial, dan sejarah Arab dengan baik. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa pengetahuan budaya Arab memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan motivasi guru dalam pengajaran bahasa Arab dan menyepadukan pengajaran responsif budaya dalam pengajaran bahasa yang menggunakan ciri budaya, pengalaman dan perspektif pelajar untuk mengajar dengan lebih berkesan. Oleh itu, dengan menganalisis pengetahuan dan kesedaran guru terhadap kepentingan budaya Arab dalam konteks pengajaran, kajian ini akan memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang bagaimana pengetahuan budaya Arab dapat mempengaruhi dan meningkatkan pengajaran bahasa Arab.

Katakunci: *pengetahuan budaya, pengajaran bahasa, motivasi guru, bahasa Arab*

Abstract. Understanding culture in foreign language teaching plays a crucial role among teachers, as language is not only a communication tool but also a medium for expressing and reflecting the cultural richness of its speakers. Teachers' cultural knowledge positively influences their motivation, interest, and confidence in communicating fluently. This study aims to identify Arabic language teachers' knowledge of Arabic culture and the importance of cultural knowledge in teaching Arabic in schools. This research is a literature review, gathering relevant information and data from scholarly books, research studies, reports, and other sources, both written and electronic. Findings indicate that Arabic language teachers need to comprehend cultural elements such as traditions, values, social norms, and Arabic history. Additionally, the study reveals that Arabic cultural knowledge significantly enhances teachers' motivation in Arabic language teaching and promotes culturally responsive teaching, integrating cultural traits, experiences, and students' perspectives to make learning more effective. By analyzing teachers' knowledge and awareness of Arabic culture in the teaching context, this study provides deeper insights into how Arabic cultural knowledge can influence and enhance Arabic language instruction.

Keywords: *cultural knowledge, language teaching, teacher motivation, Arabic language*

Pengenalan

Memahami budaya Arab memainkan peranan penting dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing di sekolah. Fungsi bahasa bukan sekadar sebagai alat komunikasi,

tetapi juga sebagai medium untuk mengekspresikan dan mencerminkan kekayaan budaya penuturnya (Hamzah, 2018). Bahasa juga memiliki kekuatan data ekspresinya tidak hanya dalam penyampaian pesan, tetapi juga sebagai suatu refleksi mendalam daripada budaya, sejarah, dan cara berfikir masyarakat yang menggunakannya. Oleh itu, keberhasilan pembelajaran bahasa melibatkan penguasaan tidak hanya struktur dan kosa kata, tetapi juga pemahaman yang mendalam terhadap konteks budaya bahasa tersebut berkembang. Selain itu, guru bahasa Arab yang memberikan tumpuan kepada penguasaan pengetahuan budaya dengan memperkenalkan budaya dalam pengajaran akan memberikan pendedahkan kepada pelajar pelbagai senario sebenar dalam dalam pembelajaran bahasa dan budaya Arab (Bacha dan Haley, 2014; Al-Batal, 1988). Pengajaran pengetahuan budaya juga memberikan kesan yang positif terhadap motivasi, minat, dan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dengan lancar dalam bahasa sasaran (Habil, 2019). Guru yang mempunyai pengetahuan tentang budaya bukan hanya sekadar mampu melaksanakan pengajaran yang lebih relevan dan bermakna kepada pelajar, tetapi juga dapat meningkatkan keterlibatan mereka dalam aktiviti komunikatif, kerana mereka tidak hanya belajar bahasa, tetapi juga meneroka makna dan konsep-konsep yang tertanam dalam budaya penutur asli bahasa tersebut. Implementasi pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab adalah kunci untuk mencapai kompetensi komunikatif yang tinggi. Ini bertujuan memastikan bahawa pengajaran bahasa bukan hanya sekadar proses yang tersusun dalam penguasaan struktur bahasa, tetapi ianya adalah satu proses yang mendalam bagi memahami dan menghargai kepelbagaian budaya yang terkandung dalam bahasa Arab yang dipelajari.

Sorotan literatur

Peranan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab

Pengajaran bahasa Arab yang memberi fokus kepada pemahaman budaya membuka pintu kepada memahami dan menghargai kepelbagaian budaya Arab yang terdapat dalam bahasa tersebut. Eldin (2015) dalam kajiannya menyatakan menggabungkan pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa Arab mampu membantu mengintegrasikan kecekapan budaya dalam pembelajaran bahasa. Ini menunjukkan budaya membawa peranan yang besar kepada pelajar untuk menjadi lebih terbuka terhadap perbezaan dan memperluas pandangan mereka tentang dunia. Pengetahuan budaya menjadi aspek penting kerana membantu pelajar memahami konteks sosial, sejarah, agama, dan nilai-nilai dalam bahasa Arab, disamping dapat meningkatkan motivasi, minat, dan keyakinan untuk berkomunikasi dengan lancar (Maromar et al., 2018). Pandangan Rusydi Ahmad Tu'aymah menegaskan bahawa pengetahuan budaya sebagai prinsip dasar pembelajaran bahasa Arab yang mencakupi aspek komunikasi, kaedah pembelajaran, dan media pembelajaran. Ini membantu pelajar dalam memahami konteks sosial, agama, sejarah, dan nilai-nilai bahasa Arab, juga meningkatkan motivasi dan minat mereka. Strategi Penghayatan Budaya Arab (SPBA) oleh Ahmad et al. (2019) disyorkan sebagai salah satu strategi baharu untuk bagi membantu meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan penuntut bahasa Arab dengan memberi fokus kepada motivasi, ketepatan sebutan, dan aspek sosiobudaya.

Selain itu, dalam kajian lain oleh Ahmad et al. (2019) mencadangkan strategi penguasaan sebutan bahasa Arab bagi tujuan meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Guru atau pelajar yang memiliki kemahiran sebutan bahasa Arab yang betul akan mempunyai keyakinan dalam komunikasi kerana sebutan

yang betul membantu mereka berkomunikasi dengan lebih efektif dan mudah difahami oleh penutur asli bahasa tersebut di samping dapat meningkatkan peluang mempraktikkan bahasa Arab dan menguasainya dalam pertuturan mereka. Pemilihan dan penggunaan teknik yang sesuai dalam pengajaran, seperti disebutkan dalam kajian-kajian lepas, memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran bertutur bagi pelajar bukan penutur jati bahasa Arab. Secara keseluruhannya, kepentingan dalam memahami budaya dalam pengajaran bahasa Arab memberi peluang kepada guru bahasa Arab mencipta pengalaman pembelajaran yang relevan, meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran, dan mempersiapkan mereka untuk berkomunikasi dengan efektif dalam bahasa Arab seperti penutur jatinya.

Pengetahuan budaya dan motivasi guru

Peranan motivasi dalam pemerolehan bahasa asing dianggap penting kerana ianya menjadi pendorong kuat bagi mencapai tujuan pembelajaran. Dalam kajian lepas menyebut pemilihan strategi-strategi yang sesuai untuk diterapkan oleh guru bahasa asing dalam pengajaran mereka memiliki kesan besar terhadap motivasi pelajar. Guru yang memiliki pengetahuan mendalam tentang budaya bahasa yang diajarkan cenderung lebih termotivasi dan memungkinkan mereka untuk mengembangkan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan kekayaan dan keunikan budaya yang terdapat dalam bahasa tersebut. Kompetensi budaya dan pemahaman terhadap bahasa dan masyarakat akan dapat dipertingkatkan sekiranya guru mengajar dan mempromosikan budaya di dalam kelas (Eldin, 2015). Sikap terhadap bahasa dan budaya penting untuk membangkitkan motivasi dalam pembelajaran bahasa asing. Penerimaan terhadap budaya bahasa sasaran tidak hanya meningkatkan minat pelajar, tetapi juga membangunkan kepercayaan diri yang penting dalam menguasai bahasa asing. Guru yang mempunyai pengalaman dalam budaya lain menunjukkan motivasi yang lebih tinggi berbanding guru permulaan kerana komponen budayanya menyumbang secara positif kepada pembangunan profesional dan peribadi guru tentang kesedaran budaya (Ye et al., 2021; Sahin, 2008). Oleh itu, pengetahuan mendalam guru tentang budaya tidak hanya menjadi faktor motivasi, tetapi juga menyumbang kepada menciptakan persekitaran pembelajaran yang menyokong kepada pembelajaran bahasa Arab yang berkesan.

Oleh itu, Liddicoat et al. (2003) menawarkan lima prinsip pedagogi yang boleh digunakan oleh guru dalam mengintegrasikan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa asing, di samping memberikan penekanan bahawa pengetahuan budaya melibatkan lebih daripada sekadar menyampaikan maklumat. Guru yang memahami budaya bahasa sasaran akan memiliki kemampuan untuk berinteraksi secara aktif, menjadikan pengetahuan budaya sebagai elemen kunci dalam memotivasikan pelajar. Dalam konteks ini, guru tidak hanya merancang pengajaran yang relevan, tetapi juga menciptakan iklim pembelajaran yang mampu memotivasikan pelajar untuk menguasai bahasa melalui pemahaman mendalam terhadap aspek budaya yang dipelajari. Justeru, dengan memberi fokus kepada pengetahuan budaya, guru bahasa asing dapat menjadi pendorong kepada pelajar untuk mempunyai motivasi yang kuat dalam mempelajari bahasa Arab seterusnya dapat membentuk pengalaman pembelajaran yang berimpak tinggi kepada para pelajar di dalam kelas.

Keperluan implementasi pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab

Implementasi pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab telah menjadi satu keperluan yang mendorong kepada peningkatan kualiti pembelajaran, yang bertujuan mencapai objektif pembelajaran yang lebih holistik. Dalam usaha ini, pendekatan Pedagogi Responsif Budaya diusulkan sebagai satu kaedah yang berfokus pada kepekaan guru terhadap kepelbagaian budaya pelajar. Kajian lepas menekankan perlunya guru memahami latar belakang etnik dan budaya pelajar, serta memupuk sifat kesepaduan untuk mencipta iklim pembelajaran yang menghargai kepelbagaian. Keperluan untuk mengadaptasi kaedah pengajaran (George dan Nasri, 2021; Ahmad et al., 2019; Kaviza, 2019), sementara ada kajian juga mencadangkan keperluan guru untuk menguasai aspek pedagogi, kurikulum, penilaian, profesionalisme, dan bahasa yang diajar. Penguasaan kepada teknik pengajaran yang sesuai dan berkesan dapat membantu guru mengatasi cabaran seperti kekurangan kosa kata, struktur bahasa yang lemah, serta meningkatkan motivasi pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahan itu, pelbagai pihak menyokong penggunaan bahan-bahan autentik, aktiviti-aktiviti interaktif, dan permainan bahasa boleh digunakan dalam pengajaran guru untuk memperkukuhkan pengajaran bahasa dan budaya Arab di sekolah-sekolah.

Secara keseluruhan, implementasi pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab bukan sahaja meningkatkan kualiti pembelajaran, tetapi juga membina kesedaran terhadap kepelbagaian budaya. Melalui pendekatan Pedagogi Responsif Budaya dan penguasaan teknik pengajaran yang efektif, guru mampu mencipta persekitaran pembelajaran yang memupuk sifat kesepaduan antara pelajar dan menghargai kepelbagaian budaya pelajar. Penerapan budaya bahasa yang dipelajari di dalam kelas akan membawa kesan yang positif dalam memajukan kemahiran berbahasa dan pemahaman pelajar terhadap budaya.

Kepentingan pengetahuan budaya menurut Rusydi Ahmad Tu'aymah

Pandangan Rusydi Ahmad Tu'aymah menggambarkan pengetahuan budaya sebagai satu prinsip dasar dalam pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian, yang meliputi tiga aspek utama iaitu prinsip komunikasi, prinsip kaedah pembelajaran, dan prinsip media pembelajaran. Beliau menekankan peranan penting pengetahuan budaya dalam membantu pelajar dalam memahami konteks sosial, sejarah, agama, dan nilai-nilai dalam bahasa Arab. Tambahan juga, pengetahuan budaya juga diakui sebagai pendorong motivasi, minat, dan keyakinan dalam berkomunikasi dalam bahasa Arab. Selain itu, dalam pembelajaran maharat al-kalam (kemahiran bertutur), Rusydi Ahmad Tu'aymah juga mendorong keberhasilan berbahasa Arab sebagai indikator kejayaan pembelajaran. Untuk mencapai , beliau mengusulkan beragam kaedah dan teknik, seperti kaedah komunikatif, bermain peranan, simulasi, perbincangan, dan lain-lain, yang dapat digunakan untuk mengembangkan kemahiran bertutur. Fokusnya pada pengajaran kemahiran ini mencerminkan kebijaksanaan dan ketekunan dalam memperkukuh aspek praktikal penggunaan bahasa Arab.

Tu'aymah juga menguraikan konsep pengurusan pembelajaran bahasa Arab yang komprehensif, melibatkan perancangan, penganjuran, pengarahan, dan penilaian. Beliau menganjurkan perancangan pembelajaran yang berfokus pada pengukuhan kompetensi berkomunikasi, penganjuran yang memperkaya sumber pembelajaran, media, pendekatan, kaedah, atau teknik pembelajaran, arahan yang memberi ruang pada pelajar untuk berkomunikasi secara aktif dalam bahasa Arab, dan penilaian yang responsif terhadap perbezaan individu (Rusydi dan Sulaiman, 2023). Secara holistiknya, pandangan Tu'aymah menyoroti pentingnya pengetahuan budaya dalam konteks

pembelajaran bahasa Arab, membentuk asas bagi prinsip-prinsip komunikasi, kaedah pengajaran, dan pengurusan pembelajaran. Sumbangannya terhadap pengajaran bahasa Arab menunjukkan bahwa pengetahuan budaya bukan hanya menjadi pelengkap, tetapi teras yang memperkaya dan memperkasakan pelajar dalam menguasai bahasa Arab secara efektif. Pemahaman mendalam tentang konteks budaya menjadi kunci untuk meraih kejayaan dalam pembelajaran bahasa Arab.

Konstruktivisme dan bilingualisme dalam pengajaran bahasa Arab

Teori Konstruktivisme menitikberatkan kepada peranan aktif pelajar dalam membentuk pengetahuan melalui pengalaman dan refleksi. Teori ini boleh digunakan sebagai salah satu pendekatan yang sangat relevan dalam pengajaran bahasa. Dalam konteks pengajaran bahasa, teori ini menyoroti pentingnya membangunkan pemahaman bahasa melalui interaksi langsung dengan bahasa tersebut, bukan hanya melalui pengajaran formal (Suparlan, 2019). Seiring dengan itu, pengetahuan budaya juga memiliki peranan sangat penting dalam pengajaran bahasa. Dalam pengajaran bahasa, Risager (2006) menyatakan pemahaman tentang konteks sosial dan budaya di mana bahasa berperanan dalam mengekspresikan, menampilkan, dan melambangkan realiti budaya. Melalui penggunaan bahasa, manusia tidak hanya mengutarakan pengalaman, fakta, idea, dan peristiwa kepada orang lain, tetapi juga menyampaikan sikap, kepercayaan, dan pandangan. Dengan menggabungkan teori konstruktivisme dan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa, dapat menjadi pengajaran lebih holistik dan efektif, di samping membolehkan pelajar untuk tidak hanya memahami struktur bahasa tetapi juga memahami secara mendalam makna dan konteks penggunaannya.

Di samping itu, Teori Bilingualisme menegaskan bahawa seseorang dapat mempelajari dan menggunakan dua bahasa secara bersamaan. Teori Bilingualisme ialah teori yang mengemukakan bahwa seseorang dapat mempelajari dua bahasa secara bersamaan dan dapat menggunakan kedua bahasa tersebut dengan baik. Teori ini menekankan pentingnya mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing dalam kehidupan seharian. Dalam pengajaran bahasa, Subali (2015) menyatakan teori Bilingualisme dapat membantu pelajar untuk memahami bahasa yang dipelajari dengan lebih baik dan memperluas wawasan mereka terhadap budaya lain. Selain itu, teori ini juga menyarankan agar pelajar diberi peluang untuk menggunakan kedua-dua bahasa dalam situasi yang berbeza, serta menghormati dan menghargai kepelbagaian bahasa dan budaya (Yusoff et al, 2019). Pendekatan Konstruktivisme dalam pengajaran bahasa Arab menekankan aktiviti pelajar dalam membangun pengetahuan melalui pengalaman dan refleksi, dengan pengetahuan budaya menjadi elemen penting. Pemahaman tentang konteks sosial dan budaya bahasa memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pemahaman bahasa oleh pelajar. Di samping itu, teori Bilingualisme menyoroti kemampuan mempelajari dan menggunakan dua bahasa, mendukung pemahaman bahasa yang lebih baik dan memperluas wawasan terhadap budaya. Integrasi kedua teori ini dalam pengajaran bahasa dapat menciptakan pengalaman pembelajaran yang holistik dan efektif, mempersiapkan pelajar untuk menjadi komunikator yang lebih efektif dan berpengetahuan, dengan pengetahuan budaya menjadi landasan yang sangat penting dalam proses pembelajaran bahasa.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengetahuan guru bahasa Arab tentang budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengetahui kepentingan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab. Dengan menganalisis pengetahuan dan kesedaran guru terhadap budaya Arab dalam konteks pengajaran, kajian ini akan memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang sejauh mana pengetahuan budaya Arab dapat mempengaruhi dan meningkatkan pengajaran bahasa Arab.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kepustakaan (literatur review). Matlamat utama kajian ini ialah membawa pembaca kepada kajian kepustakaan terbaru pada topik yang dilontarkan dan membentuk asas untuk matlamat lain seperti kajian seterusnya yang mungkin diperlukan dalam bidang tersebut. Usaha yang dilakukan oleh pengkaji ialah menghimpun segala informasi ataupun maklumat yang bersesuaian dan relevan dengan masalah atau topik yang akan atau sedang diteliti yang diperolehi daripada buku-buku ilmiah, hasil-hasil kajian, laporan penelitian dan sebagainya sama ada daripada sumber-sumber bertulis ataupun sumber elektronik.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Pengetahuan guru bahasa Arab tentang budaya Arab

Dapatan menunjukkan bahawa keperluan kepada guru bahasa Arab untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi terhadap budaya Arab dalam konteks pengajaran bahasa Arab. Mereka perlu memahami elemen-elemen budaya seperti tradisi, nilai-nilai, norma sosial, dan sejarah Arab dengan baik. Walau bagaimanapun, kemampuan guru untuk mengintegrasikan unsur-unsur budaya dalam pengajaran mereka, seperti menggunakan contoh-contoh budaya dalam pembelajaran bahasa Arab adalah tidak memuaskan. Kajian oleh Jelita (2020) menunjukkan guru bahasa jarang mengintegrasikan atau memberikan maklumat tentang budaya yang menyokong kemampuan linguistik dalam bahasa yang dipelajari oleh pelajar. Oleh itu, kajian ini juga mencadangkan guru bahasa perlu menggunakan tiga kaedah dalam mengintegrasikan nilai budaya daripada bahasa sasaran iaitu dalam bentuk literatur, seni dan produk. Wastono (2017) turut menyatakan guru perlu memberi perhatian kepada aspek-aspek budaya dalam kalangan penutur asli bahasa tersebut. Isi pembelajaran dalam buku teks bahasa asing perlu diorganisasikan dengan baik, bersifat praktis, mudah dibaca, dan tidak bersifat teori bahasa yang bersifat dogmatis. Guru bahasa juga perlu memainkan peranan sebagai guru budaya, kerana keduanya memiliki keterkaitan yang signifikan.

Kepentingan pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab

Dapatan juga menunjukkan bahawa pengetahuan budaya Arab memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan motivasi guru dalam pengajaran bahasa Arab. Guru yang memiliki pemahaman yang lebih dalam tentang budaya Arab cenderung lebih terinspirasi dan bersemangat dalam mengajar. Mereka melihat budaya sebagai cara untuk membuat pengajaran lebih menarik dan relevan bagi pelajar. Kajian oleh Abdullah et al. (2018) menyatakan guru bahasa Arab harus memiliki kemampuan untuk

memahami budaya Arab agar dapat membantu pelajar memahami bahasa Arab dengan baik. Mengajarkan latar belakang budaya merupakan satu konsep yang harus difahami oleh guru untuk memahami pelajar dan menggunakan bahasa dengan betul. Kajian oleh Yang (2014) yang memfokuskan kepada pengajaran kosa kata bahasa Inggeris menunjukkan pelajar yang mempunyai pengetahuan tentang latar belakang budaya dapat memahami dan menggunakan bahasa yang betul kerana budaya yang berbeza mempunyai konotasi yang berbeza untuk perkataan yang sama. Dalam konteks bahasa Arab, guru yang mengajarkan bahasa Arab perlu mengajarkan latar belakang budaya Arab termasuk nilai-nilai, tradisi dan sejarah yang mempengaruhi cara bahasa Arab digunakan bagi membantu pelajar lebih memahami dan menghargai makna di sebalik perkataan dan frasa Arab untuk digunakan dalam pelbagai konteks dengan betul.

Selain itu, pendekatan budaya dalam pengajaran bahasa mengintegrasikan pengetahuan linguistik, kemahiran komunikasi dan pengetahuan budaya dan meningkatkan identiti budaya pelajar. Kajian oleh Zvereva dan Chilingaryan (2020) mendapati pelajar dapat memahami budaya yang berbeza dengan lebih baik sekiranya pelajar menguasai pengetahuan linguistik dan kemahiran komunikasi di samping pelbagai pengetahuan budaya dengan adanya pendekatan budaya dalam pengajaran bahasa. Dengan pendekatan ini, guru bahasa Arab boleh membantu pelajar memahami dan menghargai budaya secara menyeluruh. Pelajar akan mampu untuk berkomunikasi secara lebih efektif dan bermakna dalam bahasa Arab disamping dapat memperkukuh identiti budaya mereka sendiri melalui pemahaman dan penghargaan terhadap budaya lain.

Pengaruh pengetahuan budaya Arab dalam meningkatkan kemahiran pengajaran bahasa Arab

Pengetahuan budaya membawa satu pengaruh yang besar kepada guru dalam mengajarkan bahasa. Antaranya ialah menyepadukan pengajaran responsif budaya dalam pengajaran bahasa yang menggunakan ciri budaya, pengalaman dan perspektif pelajar untuk mengajar dengan lebih berkesan. Kajian lepas menunjukkan menyepadukan pengajaran responsif budaya dengan keperluan budaya dan linguistik mempengaruhi guru dalam meningkatkan pengajaran bahasa dan meningkatkan kejayaan pelajar yang terdiri daripada pelbagai etnik. Selain itu, dapatan daripada kajian Abd Elgadir et al. (2023) menunjukkan guru yang mempunyai pemahaman yang kukuh tentang nuansa budaya dan pengetahuan tentang sains Islam cenderung membantu mereka untuk mengajarkan bahasa Arab dengan berkesan kepada penutur bukan asli. Ini menunjukkan guru yang memahami budaya dengan mendalam dapat menyampaikan pengajaran bahasa Arab dalam konteks yang lebih relevan dan bermakna kepada pelajar. Pengetahuan tentang sains Islam dan nuansa bahasa yang dimiliki oleh guru tidak hanya membantu pelajar menguasai bahasa, akan tetapi menyediakan mereka kepada pengalaman pembelajaran dalam konteks budaya dan intelektual yang luas.

Tambahan itu, guru yang memiliki pengetahuan budaya akan mempunyai kelebihan dalam pendidikan bahasa Arab. Kajian oleh Bacha dan Haley (2014) menunjukkan menguasai pengetahuan budaya menjadikan guru sebagai pengantara budaya dan mempromosikan kecekapan antara budaya dan silang budaya. Kajian ini disokong oleh Eldin (2015) menjelaskan memahami makna khusus budaya dalam meningkatkan kecekapan tatabahasa dalam pengajaran bahasa Arab. Oleh yang demikian, pengajaran bahasa Arab akan menjadi lebih menyeluruh kerana pelajar bukan hanya belajar struktur dan peraturan bahasa tetapi pelajar juga dapat belajar cara bahasa tersebut

digunakan dalam konteks budaya yang sebenar. Pengetahuan budaya dalam pengajaran bahasa Arab memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran pengajaran guru bahasa Arab dan juga meningkatkan motivasi mereka dalam pengajaran. Hal ini membuktikan bahawa pengetahuan budaya menjadi aspek penting kerana membantu pelajar memahami konteks sosial, sejarah, agama, dan nilai-nilai dalam bahasa Arab, di samping dapat meningkatkan motivasi, minat, dan keyakinan untuk berkomunikasi dengan lancar (Maromar et al, 2018).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan betapa pentingnya pengetahuan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab. Guru-guru yang memiliki pemahaman mendalam terhadap budaya Arab, termasuk tradisi, nilai-nilai, dan sejarah, mampu mengintegrasikan unsur-unsur budaya ini dengan efektif dalam pengajaran bahasa. Penguasaan budaya juga terbukti menjadi faktor kunci yang meningkatkan motivasi guru dalam proses pengajaran. Oleh itu, disarankan agar guru-guru supaya lebih aktif menggunakan sumber bahan pengajaran yang mencerminkan budaya Arab, seperti cerita rakyat, puisi, atau lagu-lagu tradisional, untuk menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih menarik dan bermakna bagi pelajar.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abd Elgadir, I.B.E., Zabidin, M.A.R.B., Nadzir, Z.B.M. (2023): Fundaments and Standards for Preparing Arabic Language Teachers and Their Impact on Teaching Arabic to Non-Native Speakers. – *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences* 13(6): 698-707.
- [2] Abdullah, H., Abd Razif Zaini, K.A.A., Latif, H.I., Azizan, K.F.K., Ngah, W.S.W., Mansor, N. (2018): Pendidikan abad ke-21 dalam pengajaran bahasa arab di sekolah menengah di Malaysia: Amalan dan cabaran. – In *5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)* 14p.
- [3] Ahmad, N.L., Looi, S.S., Ab Wahid, H., Yusof, R. (2019): Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan pelajar. – *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(28): 28-51.
- [4] Al-Batal, M. (1988): Towards Cultural Proficiency in Arabic 1. – *Foreign Language Annals* 21(5): 443-453.
- [5] Bacha, M.B., Haley, M.H. (2014): Mediating Cultures between and among Arabic Teachers. – *Theory & Practice in Language Studies (TPLS)* 4(7): 1319-1326.
- [6] Eldin, A.A.T.S. (2015): Teaching Culture in the Classroom to Arabic Language Students. – *International Education Studies* 8(2): 113-120.

- [7] George, G.G., Nasri, N.M. (2021): Pendekatan Pengajaran Terbeza: Pengetahuan dan amalan guru kelas bercantum di Sekolah Kurang Murid (Kajian literatur sistematik). – *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2): 484-494.
- [8] Habil, R. (2019): Teori-teori Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kedua Dalam CLIL. – Seminar Antarabangsa Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 11p.
- [9] Hamzah, Z.A.Z. (2018): Bahasa dalam realiti kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasa. – *Jurnal Komunikasi* 34(2): 338-353.
- [10] Jelita, T.C. (2020): Integrasi Nilai Budaya Dalam Pembelajaran Bahasa Inggris untuk Siswa Sekolah Dasar. – *Prosiding Seminar Nasional* 10p.
- [11] Kaviza, M. (2019): Analisis Keperluan Terhadap Pembangunan Modul Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Berasaskan Penggunaan Sumber-Sumber Sejarah. – *e-BANGI Journal* 16(6): 11p.
- [12] Liddicoat, A.J., Scarino, A., Papademetre, L., Kohler, M. (2003): Report on intercultural language learning. – Commonwealth Department of Education, Science and Training 153p.
- [13] Maromar, F., Ismail, M.R., Ghazali, A.R., Fauzi, M.S.H.M., Othman, K.A.A., Ab Rahman, M.A., Basit, N.F.A. (2018): Teknik meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati di IPTS Dan IPG. – In *International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2018)* 7: 18p.
- [14] Risager, K. (2006): Language and culture: Global flows and local complexity. – *Multilingual Matters* 232p.
- [15] Rusydi, M., Sulaiman, S. (2023): Pemikiran Rusydi Ahmad Thu'aimah Tentang Manajemen Pembelajaran Bahasa Arab: Sebuah Refleksi Konstruktif. – *El-Idarah: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam* 9(1): 1-9.
- [16] Sahin, M. (2008): Cross-cultural experience in preservice teacher education. – *Teaching and Teacher Education* 24(7): 1777-1790.
- [17] Subali, E. (2015): Konsep Bilingualisme dan Pembelajaran Bahasa Indonesia Bagi Penutur Asing. – *Jurnal Sosial Humaniora* 8(1): 106-119.
- [18] Suparlan, S. (2019): Teori konstruktivisme dalam pembelajaran. – *Islamika* 1(2): 79-88.
- [19] Wastono, A.T. (2017): Aspek Interkultural dalam Pengajaran Bahasa Arab. Sebagai Bahasa Asing di Indonesia. – In *Seminar Nasional Pengajaran Bahasa* 14p.
- [20] Yang, Z. (2014): Importance of cultural background in English teaching. – In *International Conference on Education, Language, Art and Intercultural Communication (ICELAIC-14)*, Atlantis Press 4p.
- [21] Ye, W., Wang, Z., Zhang, X., Ding, Y., Ye, W. (2021): Comparing motivations of pre-service and beginning teachers in China: impact of culture and experience. – *Journal of Education for Teaching* 47(4): 576-589.
- [22] Yusoff, Y.M., Jalaluddin, N.H., Kasdan, J., Mohamad, H. (2019): Representasi budaya dalam kit video Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: analisis Teori Sosiokognitif. – *Jurnal Antarabangsa Alam & Tamadun Melayu*, Jilid 7(1): 77-91.
- [23] Zvereva, E., Chilingaryan, K. (2020): Teaching The Spanish Language in a Cultural Aspect. – In *7th International Conference on Education and Social Sciences* 8p.